

**Campur Tangan Asing Dalam PRU13 Akan Jejaskan Proses Demokrasi Negara -
Muhyiddin
Bernama
19 April, 2013**

MUAR, 19 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata sebarang campur tangan asing dalam pilihan raya umum di negara ini akan menjejaskan proses demokrasi negara. Beliau menegaskan sistem pilihan raya umum di negara ini dijalankan dengan telus dan kerajaan tidak mahu pihak asing campur tangan dalam urusan itu. Katanya Malaysia, menerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telahpun menjemput pemerhati asing di kalangan negara-negara Asean dan juga melantik pemerhati dalam negara untuk meninjau proses pilihan raya umum ke-13 (PRU13) ini. "Jadi saya harap tidak ada pihak luar untuk mencampuri," kata Muhyiddin yang juga Timbalan Pengerusi Barisan Nasional (BN) kepada pemberita selepas melawat Pusat Daerah Mengundi di Kampung Tengah, Sungai Terap, Muar, di sini Jumaat. Beliau mengulas kenyataan Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi semalam bahawa terdapat unsur-unsur luar yang cuba mencampuri urusan PRU13. "Saya setakat ini tidak ada maklumat sebegitu, (sebagai) Menteri Pertahanan dia (Ahmad Zahid) ada sumber-sumber. Apa pun bagi kita dalam keadaan sebegini kita tidak mahu orang asing mencampuri urusan pilihan raya kita sebab kita mengamalkan sistem pilihan raya yang telus," katanya. Timbalan Perdana Menteri berkata ini berkaitan dengan soal "maklumat risikan". "Ada setengah pihak yang berperasaan ataupun seolah-olah dapat jangkaan kemungkinan ada pihak luar yang cuba hendak mencampuri urusan pilihan raya kita...mungkin pihak yang bertanggungjawab, yang menjaga soal keselamatan, soal risikan, rahsia negara dan sebagainya itu lebih tahu," katanya. Mengenai kenyataan kerajaan Singapura yang menafikan mempunyai kaitan dengan kenderaan negara itu yang menampal pelekat menyokong pembangkang, Muhyiddin berkata: "Kita menerima kenyataan itu dengan baik, kerana kita tahu hubungan kita dengan Singapura adalah memang sentiasa baik". Beliau berharap tidak ada elemen-elemen lain yang akan cuba mencampuri urusan dalaman negara. "Beri peluang kepada rakyat membuat keputusan, jangan kacau atau pun menimbulkan sesuatu yang boleh menjejaskan proses demokrasi dalam negara," tegas beliau.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=943579>